

Kesan pencalonan Kub

Oleh Kadir Dikoh

MESYUARAT perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Kedah, Khamis depan menjadi tumpuan kerana ia akan membuat pencalonan bagi pemilihan dalam parti Meini, huat kali pertama dalam tempoh hampir dua dekad.

Bahagian yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejsk heliau memegang jawatan Perdana Menteri pada 1982 - akan membuat pencalonan untuk semua jawatan dipilih iaitu Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Presiden, Timhalan Presiden, tiga Naih Presiden dan 25 ahli Majlis Tertinggi (MT).

Perhatian dijangka tertumpu kepada hentuk pencalonan untuk tiga jawatan Naih Presiden yang dianggap oleh pemerhati holeh mempengaruhi pencalonan oleh hahagian lain yang me-

ngadakan mesyuarat selepas 30 Mac ini dan aliran pengundian pada pemilihan sehanar 11 Mei nanti.

“Sesiapa saja yang dinamakan oleh bahagian Kubang Pasu untuk tiga jawatan Naih Presiden, akan pasti menonjolkan imej serta menaikkan “markah” calon terhabit. Malah susunan nomhor calon juga menarik perhatian. Begitu juga bagi calon MT,” kata pemerhati.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dijangka memheri kehehasan penuh kepada perwakilan di Kubang Pasu untuk memhuat pilihan sendiri bagi mengelak sebarang spekulasi calon pilihan Presiden Umno’.

“Hakikatnya, dalam Umno, kebanyakan keputusan yang dihuat, lazimnya dikaitkan kepada perspektif Presiden. Oleh itu, sesiapa saja yang dicalonkan

ANALISIS

oleh hahagian Kubang Pasu, akan dikaitkan sebagai calon yang diperakui Dr Mahathir.

“Lchih daripada itu, orang akan menganggap calon pertama disenarai-kan bagi tiga jawatan Naih Presiden, sebagai pilihan Dr Mahathir untuk perediaan memhantu Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi dalam parti dan kerajaan apahila tiha masanya beliau mengundurkan diri nanti.

“Ini hagaikan satu petunjuk dan nasihat tidak rasmi kepada ahli Umno mengenai hala tuju kepemimpinan dalam parti. Dalam keadaan yang belum ada kepastian, petunjuk seperti ini amat

ang Pasu, Kepala Batas

BH 25 MAR 2000

perlu sebagai panduan,” kata pemerhati.

Berdasarkan pencalonan untuk jawatan Naib Presiden daripada bahagian yang sudah hermesyuarat setakat ini, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najih Tun Razak masih mendahului diikuti Menteri Besar Johor, Datuk Ahdul Ghani Othman dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Ahu Hassan Omar.

Tidak berapa lama schelum ini, Dr Mahathir yang pernah menyatakan hahawa penggal sekarang adalah yang terakhir hagina, hehcrapa kali menyehut Ahdullah sebagai pengantinya apahila heliau mengundurkan diri.

Berikutan itu juga, perhincangan tertumpu kepada tokoh yang holeh memhantu Abdullah dalam kepemimpinan parti apahila tiha masanya nanti. Namun, ada pemerhati percaya orang yang

akan memhuat ‘pilihan’ itu nanti adalah Ahdullah sendiri bagi mencari pengantinya, hukan Dr Mahathir.

Sementara itu, Umno hahagian Kepala Batas yang diketuai Ahdullah akan mengadakan mesyuarat prwakilan Ahad ini. Seperti juga Kubang Pasu, pencalonan oleh hahagian itu, dijangka turut menarik perhatian.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Naih Presiden tetapi turut menjalankan tugas-tugas Timhalan Presiden itu, juga dijangka memheri kehehasan kepada perwakilan untuk memhuat pilihan.

“Seperti juga Dr Mahathir, Abdullah tidak dapat mengelak daripada pelhagai tanggapan apabila bahagiannya menamakan calon terutama bagi jawatan Naib Presiden,” kata seorang penganalisis politik.

Bar-u-baru ini, Abdullah ketika dita-

nya pemherita mengenai kemungkinan pencalonan oleh hahagiannya dan Kubang Pasu ditafsirkan dengan pelhagai andaian herkata, perkara itu tidak boleh dielakkan.

“Apa yang kita huat pun akan ditafsirkan oleh pelhagai pihak. Itu tak boleh dielak. Kita mengikut kehendak ahli. Mereka yang tahu memhuat pilihan dan tahu apakah kepentingan Umno serta hagamana ia dapat dipelihara dengan memastikan harisan kepemimpinan yang dipilih itu herwihawa dan holeh memimpin,” katanya.

Abdullah juga herkata, jika herlaku persamaan pencalonan terutama bagi jawatan Naih Presiden oleh bahagiannya dan Kubang Pasu, ia adalah kebetulan “kerana saya tidak ada muafakat dengan Perdana Menteri (dalam hal pemcalonan).”